



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 20 FEBRUARI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	MAFI BERCADANG WUJUDKAN AKTA KHUSUS UNTUK BENIH DAN BAJA, NASIONAL, SH -18 MAFI BERCADANG WUJUDKAN AKTA KHUSUS UNTUK BENIH DAN BAJA, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	KURANGKAN PEKERJA ASING DALAM INDUSTRI PERIKANAN, NASIONAL, SH -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	PURATA HASIL PADI 5.61 METRIK TAN SEHEKTAR TAHUN LALU, SH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5. 6. 7. 8. 9.	BENIH NANAS MADU BABAGON LARIS, LOKAL, HM -13 PERSATUAN NELAYAN PORT DICKSON BANTAH PEMBINAAN PROJEK PELABUHAN MINYAK, NEGERI SEMBILAN, SH -28 NELAYAN DI PD TERJEJAS KERANA PROJEK MIFC2, NEGARA, KOSMO -16 BEKALAN IKAN NEGARA BERKURANGAN, DALAM NEGERI, UM -6 LEBIH 300,000 ORANG TERIMA BANTUAN BAKUL MAKANAN, RM300 BANTUAN SECARA SEKALI BERI, MALAYSIA AKTIF -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

20/2/2021

SINAR  
HARIAN

NASIONAL

16

## MAFI bercadang wujudkan akta khusus untuk benih dan baja



Ronald (Miri) dan Jeffrey pada sidang akhbar selepas pertemuan rasmi antara dua Kementerian itu di Kota Kinabalu pada Jumaat.

**KOTA KINABALU** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bercadang memperkenalkan undang-undang khusus berkaitan benih dan baja dalam usaha mengawal selia bahan berkenaan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata, cadangan itu adalah antara beberapa perkara yang dibincangkan dalam pertemuannya dengan Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah pada Jumaat.

"Perkara lain yang dibincang-

kan adalah mengenai pengeluaran padi dan beras, pelaburan dalam industri ruminan serta mewujudkan agensi seperti Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia di negeri ini," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Jumaat.

Beliau dan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan yang merupakan Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah turut mengadakan pertemuan dengan agensi-agensi di bawah MAFI.

Sementara itu, Jeffrey berkata, cadangan mewujudkan akta khusus untuk baja dan benih tersebut bagi memastikan industri agromakanan negara terus berkembang.

Menurutnya, beliau yakin kerjasama erat antara kedua-dua Kementerian itu dapat meningkatkan lagi aspek sekuriti makanan, selain menangani isu-isu yang mengekang perkembangan industri makanan negara, khususnya di Sabah. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## MAFI bercadang wujud akta khusus untuk benih dan baja



*Ronald Kiandee dan Jeffrey Kitingan (kiri) pada sidang media selepas mengadakan pertemuan rasmi antara dua kementerian itu, di Kota Kinabalu, 19 Feb, 2021. --fotoBERNAMA*

**KOTA KINABALU:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bercadang memperkenalkan undang-undang khusus berkaitan benih dan baja dalam usaha mengawal selia bahan berkenaan.

Menterinya Datuk Seri Ronald Kiandee berkata cadangan itu antara beberapa perkara yang dibincangkan dalam pertemuannya dengan Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah pada Jumaat.

Perkara lain yang dibincangkan ialah mengenai pengeluaran padi dan beras, pelaburan dalam industri ruminan serta mewujudkan agensi seperti Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia di negeri itu, katanya pada sidang media di sini.

Terdahulu, beliau dan Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah, mengadakan pertemuan dengan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Sementara itu, Jeffrey berkata cadangan mewujudkan akta khusus untuk baja dan benih tersebut bagi memastikan industri agromakanan negara terus berkembang.

Katanya beliau yakin kerjasama erat di antara kedua-dua kementerian itu dapat meningkatkan lagi aspek sekuriti makanan selain menangani isu-isu yang mengekang perkembangan industri makanan negara, khususnya di Sabah.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	16

## Kurangkan pekerja asing dalam industri perikanan

**SHAH ALAM** - Kerajaan komited mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam industri perikanan dengan menyediakan program, inisiatif dan kemudahan bagi menggalakkan penglibatan rakyat tempatan.

Ketua Pengarah Perikanan (DOF), Ahmad Tarmidzi Ramly berkata, antara inisiatif adalah kerajaan memperuntukkan RM150 juta kepada Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan Dana Jaminan Makanan untuk transformasi nelayan tradisi ke laut dalam menggunakan teknologi tinggi.

Menurutnya, ia bagi menarik minat pekerja tempatan dengan pengusaha menyediakan kemudahan ruang penginapan yang selesa dan komunikasi digital.

"Inisiatif lain adalah pemohon mendapat had pembiayaan sehingga 90 peratus daripada kos projek pembinaan vesel moden dengan kadar faedah sebanyak 3.75 peratus bagi tempoh 10 tahun melalui Skim Pembiayaan Bot Perikanan i(S-PBP-i) di Agrobank.

"Program Penjana Kerjaya 2.0 dijalankan bagi pengusaha vesel perikanan laut dalam mengambil peluang menggunakan insentif menarik di bawah skim ini untuk menarik minat pekerja tempatan yang kehilangan pekerjaan akibat Covid-19 bekerja di atas vesel mereka," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, turut diberikan adalah latihan dalam bidang perikanan tangkapan peluang kepada belia di Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Perak dan Akademi Perikanan Malaysia, Terengganu. Latihan dan kediaman serta makanan ditanggung sepenuhnya serta elaun sebanyak RM200 sebulan.

Pada masa yang sama, katanya, kerajaan turut menyenaraikan sektor berkaitan rantaian bekalan makanan sebagai perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi untuk pengambilan pekerja asing dengan mematuhi syarat ditetapkan agensi kawal selia.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Purata hasil padi 5.61 metrik tan sehektar tahun lalu



Ahmad Tarmizi (dua dari kanan) ketika meninjau kawalan bena perang di sawah padi sekitar Tanjung Radin dan Bukit Seni, Pendang baru-baru ini.

ALOR SETAR - Purata hasil kasar pengeluaran padi di kawasan Muda bagi musim 2/2020 adalah 5.61 metrik tan sehektar berbanding 5.98 metrik tan sehektar pada musim 2/2019.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, berdasarkan Laporan Penyiasatan Pengeluaran Hasil Padi (CCS), seluas 66 peratus kawasan penanaman padi musim 2/2020 di kawasan Muda telah dituai sehingga Rabu lalu.

Menurutnya, manakala sejumlah 2,014 hektar sawah padi mengalami serangan perosak dan penyakit tanaman padi di keseluruhan kawasan Muda.

"Data ini menunjukkan penurunan sebanyak 72 peratus berbanding musim 2/2019, keluasan kawasan penanaman padi yang diserang penyakit dan perosak adalah seluas 7,206 hektar," katanya.

Ahmad Tarmizi berkata demikian bagi mengulas dakwaan sebahagian pesawah berhubung pengeluaran hasil padi pada musim ini berkurangan antara 15 hingga 20 peratus disebabkan serangan penyakit dan serangga lebih serius selain masalah berkaitan sistem pengairan serta benih padi.

Menurutnya, pada musim ini kawasan Muda yang mengalami serangan perosak bena perang adalah seluas 729 hektar.

"MADA telah melaksanakan program membantu kawalan serangan bena perang di kawasan berisiko tinggi dengan anggaran keluasan 1,819 hektar secara berperingkat dengan kos RM195,0000," katanya.

Tambahnya, manakala 49 peratus di kalangan peladang menggunakan benih padi sah varieti MARDI Siraj 297.

"MADA tidak mengeluarkan benih padi sah. Pengeluar benih padi sah terdiri daripada sembilan syarikat yang dilantik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Kita hanya melaksanakan 233 program pengembangan dalam usaha menyampaikan teknologi pengurusan penanaman padi kepada peladang," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan (JPPPK) MADA, Ishak Taib berkata, walaupun cuaca tidak menentu selain sumber air terhad sejak beberapa tahun kebelakangan ini, namun peladang MADA mampu terus menyumbang kepada hasil pengeluaran padi negara.

"Sumbangan pengeluaran padi kawasan Muda kepada negara meningkat kepada 43 peratus pada tahun 2020 berbanding 40 peratus pada 2018. Sebagai rekod, pada 2020 purata hasil padi dikeluarkan adalah 5.98 metrik tan per hektar dengan jumlah pengeluaran 1.204 juta metrik tan bernilai RMI.87 bilion," katanya.

Menurutnya, ia adalah hasil kerja keras peladang dan MADA yang sentiasa bekerjasama menyelesaikan masalah dalam penanaman padi.

"Serangan penyakit dan perosak serta pengairan adalah asam garam yang perlu ditempuhi peladang, bukan sahaja di kawasan Muda namun semua yang terlibat dalam industri pertanian. Perkara ini boleh diselesaikan melalui perbincangan bersama agensi kerajaan seperti MADA," katanya.

Sehubungan itu, pihaknya berharap peladang sentiasa cakna dengan aktiviti di peringkat ladang dan bekerjasama dengan PPK terdekat untuk bersama meningkatkan pengeluaran padi negara.

# Benih Nanas Madu Babagon laris

**Kota Kinabalu:** Penduduk kampung Babagon Penampang, Diana Murin, 50, menunjukkan benih nanas dan buah Nanas Madu Babagon di Tamu Kampung Babagon.

Menurut Diana, permintaan orang ramai terhadap benih Nanas Madu Babagon terutama pada musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) meningkat sebab kebanyakan orang lebih suka duduk di kampung dan bertani. "Sejak PKP dilaksanakan bekalan benih nanas saya di Tamu Babagon ini cepat habis di jual," katanya. Diana menjual benih-benih nanas pada harga antara RM10 hingga RM15 seikat.

**Benih nanas dijual pada harga RM10 hingga RM15 seikat**



DIANA menunjukkan benih nanas dan Nanas Madu Babagon di Tamu Kampung Babagon, Sentulam.



## Persatuan Nelayan Port Dickson bantah pembinaan projek pelabuhan minyak

**PORT DICKSON** - Persatuan Nelayan Port Dickson membantah pembinaan projek pelabuhan minyak di perairan laut Port Dickson yang dikhuatiri menjejaskan sumber pendapatan seramai 362 nelayan di kawasan itu.

Pengerusinya, Mohd Zulkifli Mohd Taib berkata, pelaksanaan projek itu menyebabkan kawasan aktiviti perikanan menjadi semakin kecil sekali gus memusnahkan kehidupan marin.

"Sebenarnya kami pun tak tahu status projek ini cuma sejak sebulan lalu dah nampak kapal berlabuh. Di bawah persatuan, rundingan dengan pihak syarikat yang mengendalikan projek itu sudah berdarutan sehingga dua tahun.

"Kami telahpun menyatakan alasan kenapa menolak projek itu dan turut meminta pampas-

an RM6.5 juta jika ia masih mahu diteruskan atas alasan projek itu menjejaskan kehidupan nelayan. Tapi hanya dua minggu lepas mereka beritahu tidak boleh bayar pampasan dan projek itu akan tetap dilaksanakan juga," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Persatuan Nelayan Port Dickson di sini pada Jumaat.

Menurutnya, beliau telah meminta penjelasan daripada Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) yang mengeluarkan permit, namun malangnya sehingga kini tiada maklum balas jelas berhubung perkara itu diterima.

Katanya, antara kesan lain yang akan berlaku dengan pembinaan projek itu ialah risiko tumpahan minyak sekali gus akan menyebabkan bertambahnya pencemaran di laut.

"Pemasangan paip minyak



Mohd Zulkifli menunjukkan memorandum bantahan projek yang dilaksanakan.

akan menyebabkan hidupan laut terancam.

Jelasnya, keadaan itu juga menyebabkan nelayan yang bergantung dengan sumber laut hilang punca pendapatan.

"Pihak persatuan dengan beberapa pihak lain termasuk Exco Pertanian Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir telah berbincang pada Selasa lalu dan difahamkan akan ada perbincangan buat kali kedua.

"Kami bukannya menolak pembangunan, tapi kami hanya minta pembelaan. Sehubungan itu kami sangat berharap kerajaan boleh campur tangan dalam hal ini," katanya.

Sementara itu, Bakri ketika dihubungi *Sinar Harian* mengesahkan isu berkenaan sudah berada dalam pengetahuannya dan kini dalam proses mengumpul maklumat bagi mengetahui situasi sebenar.

baharu di dasar laut dengan penggalan dan pengubahsuaian kawasan berkenaan juga akan merosakkan struktur dasar laut.

"Ini kerana sebelum pemasangan paip baharu, pengendali projek akan mengeluarkan paip cabot lama yang mana proses itu menyebabkan sisa toksik, gas ammonia yang telah lama mendap di dasar laut akan tenkeluar," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Zulkifli berkata, rumah ikan dan sekitarnya turut musnah yang

## Nelayan di PD terjejas kerana projek MIFC2

**PORT DICKSON** – Nelayan-nelayan di Port Dickson menyuarakan bantahan terhadap pembangunan projek Kemudahan Import Marin 2 (MIF2) di perairan Port Dickson yang dipercayai telah dimulakan sejak sebulan lalu.

Bantahan tersebut atas alasan projek berkenaan dilihat menjejaskan pendapatan nelayan kerana ia akan menyebabkan kawasan aktiviti perikanan menjadi semakin sempit dan kecil.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Port Dickson, Mohd. Zulkifli Mohd. Taib berkata, pihaknya juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak Petron Refinery berkenaan hal tersebut termasuk berkaitan pampasan terhadap nelayan namun tiada keputusan positif.

"Projek itu menyebabkan kawasan tangkapan ikan terganggu, banyak jaring tersangkut dan dilanggar kapal, kami rugi besar.

"Punca pendapatan kami terjejas dan terancam, pemasangan paip dasar laut menyebabkan sisa toksik dan gas ammonia," jelasnya.

Dia berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyerahkan memorandum Persatuan Nelayan Port Dickson kepada pihak Petron Refinery ke atas projek MIF2 di Taman Mikamas dekat sini semalam.

Mohd. Zulkifli berkata, pihaknya dimaklumkan tentang tiada sebarang pampasan atau imbuhan ganti rugi daripada pihak Petron Refinery kepada nelayan berikutan pelaksanaan projek tersebut.

"Petron Refinery ada maklumkan secara bersemuka dengan pihak persatuan bahawa mereka tidak dapat bayar pampasan kepada nelayan sebaliknya hanya mampu menjalankan program tanggungjawab sosial korporat seperti membantu nelayan dan cat bangunan," ujarnya.



**MOHD. ZULKIFLI** (tengah) bersama sebahagian ahli Persatuan Nelayan Kawasan Port Dickson menunjukkan memorandum bantahan terhadap pembangunan projek MIF2 di perairan Port Dickson dalam sidang akhbar di Taman Mikamas, Port Dickson semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6



**DERETAN** bot nelayan yang tersadai berikutan ketiadaan awak-awak warga asing di Jeti Nelayan Kuala Kedah, semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

# Bekalan ikan negara berkurangan

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**  
zaid.noor@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Kerajaan dijangka berbelanja besar untuk mengimport bekalan ikan dari luar negara bagi menampung permintaan di pasaran berikutan industri perikanan laut dalam di negara ini berisiko lumpuh.

Keadaan itu berlaku berikutan jumlah tangkapan ikan di Kedah, Perlis dan Kelantan merosot selepas kebanyakan bot laut dalam tidak beroperasi sejak Mac tahun lalu kerana tekong dan awak-awak dari Thailand dan Vietnam gagal memasuki negara ini disebabkan pintu sempadan ditutup akibat Covid-19.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam, Timbalan Pengerusi Pertubuhan Pemilik Bot Ikan Negeri Kedah, Abdul Khadzib Bakar berkata,

terdapat kira-kira 400 buah bot laut dalam di negeri ini dengan hasil tangkapan dianggarkan kira-kira 200,000 tan matrik yang bernilai RM1.5 juta sebulan.

Malah, katanya, sebahagian hasil laut dalam itu juga dibekalkan ke beberapa buah negeri termasuk dieksport ke China.

“Kekurangan hasil tangkapan juga dijangka menyebabkan berlaku kenaikan harga ikan dan boleh membebankan pengguna ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” katanya.

Utusan Malaysia kelmarin melaporkan industri perikanan laut dalam di Kelantan lumpuh dengan pengusaha menanggung kerugian lebih RM100 juta sejak enam bulan lalu,

Pada masa ini, Khadzib berkata, hanya kira-kira 20 peratus sahaja bot laut dalam yang keluar ke laut dengan tenaga

kerja yang terhad.

“Kerajaan selepas ini mungkin terpaksa mengimport lebih banyak ikan dengan kos tinggi untuk memastikan bekalan ikan mencukupi dan mengawal kenaikan harga ikan,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha pertubuhan itu, Tan Chee Beng pula berkata, jumlah pekerja asing yang melakukan kerja sebagai awak-awak dan tekong di negeri ini kira-kira 2,000 orang.

Menurutnya, ketiadaan pekerja rakyat asing itu menyebabkan kebanyakan bot laut dalam tersadai di muara sungai Kuala Kedah.

“Ramai pemilik bot laut dalam akan bankrap sekiranya masalah tidak diselesaikan segera kerana mereka tidak dapat membayar hutang bank dan lain-lain kerana tidak mempunyai pendapatan sejak Mac lalu,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2021	MALAYSIA AKTIF	ONLINE	

## Lebih 300,000 Orang Terima Bantuan Bakul Makanan, RM300 Bantuan Secara Sekali Beri



2.0 di Dewan Sri Putatan, di sini semalam.

**PUTATAN, 20 Feb (Malaysiaaktif) –** Kerajaan negeri menyasarkan lebih 300,000 orang menerima bantuan bakul makanan serta bayaran secara sekali beri sebanyak RM300 buat golongan terjejas Perintah Kawalan Pergerakan baru-baru ini.

Menurut Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Ir. Shahalmey Yahya, setakat ini dianggarkan seramai 200,000 orang yang disasarkan telah menerima bayaran melalui akaun peribadi yang didaftarkan.

"Proses pemberian bantuan secara sekali beri itu dijangka selesai pada hujung Februari ini melalui akaun masing-masing daripada Kementerian terbabit," katanya pada Majlis Penyerahan Bantuan Prihatin COVID-19

Shahalmey, selaku wakil kepada Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor, turut menyempurnakan majlis simbolik penyerahan bantuan kepada 20 orang petani dan nelayan yang merupakan penerima bantuan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.